

# PEMILIK, BEKAS PEKERJA DIREMAN

■ *JKM sahkan taska tidak pernah berdaftar*

Hm - 57616 (M/S 16)

**Siti A'isyah Sukaimi**

sitiaisyah@hmetro.com.my

## Putrajaya

**P**olis mendapatkan perintah reman ke atas pemilik taska dan dua bekas pekerjaanya selama tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes penderaan dua bayi di sebuah taska di Presint 15, di sini.

Ketua Polis Daerah Putrajaya Asisten Komisioner Rosly Hasan ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan.

“Ketiga-tiga mereka direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap kedua-dua bayi terbabit,” katanya semalam.

Sementara itu, siasatan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terhadap taska itu mendapati ia tidak pernah berdaftar dengan jabatan berkenaan bagi menjalankan perkhidmatan asuhan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, jabatan berkenaan sudah mengeluarkan surat peringatan kepada pengusaha supaya mendaftarkan taskanya dalam tempoh tujuh hari selepas siasatan dilakukan pada

Rabu lalu.

“Sekiranya pengusaha gagal berbuat demikian dalam tempoh diberikan, taska berkenaan tidak dibenarkan beroperasi.

“Bermula 6 Jun ini (esok), taska berkenaan diarahkan ditutup sementara sehingga pengusaha pusat asuhan itu melakukan pendaftaran kepada JKM,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau turut melahirkan rasa sedih dengan kecewa terhadap kejadian yang menimpa bayi terbabit.

“JKM memberikan perhatian serius terhadap kebajikan bayi dan memberikan khidmat kaunseling kepada ibu mangsa,” katanya.

Semalam, Harian Metro melaporkan pemilik taska berusia 27 tahun ditahan kelmarin di pusat asuhan itu manakala, seorang bekas pekerja wanita berusia 21 tahun ditahan di rumah keluarganya di Kajang, Selangor.

Kira-kira jam 8 malam hari sama, seorang lagi bekas pekerja berusia 19 tahun ditahan di Shah Alam, Selangor.

Penahanan mereka bagi membantu siasatan kes-itu susulan daripada gambar dua bayi menjadi ‘viral’ di laman sosial Facebook dengan seorang daripadanya diikat mulut menggunakan kain lampin, manakala seorang lagi mempunyai kesan seperti lebam di muka dan bahagian belakang badan.